Southeast Asia Psychology Journal
Volume 13, Issue 1 (2025), 96 – 124
e-ISSN 2710-544X

KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN INSTRUMEN KOMUNIKASI SEKSUAL IBU BAPA DAN ANAK, PENGGUNAAN SEKS SIBER, PENGHARGAAN KENDIRI DAN SIKAP SEKSUAL

Nurul Farhana Imran[1] & *Norsimah Dasan[2]

[1,2] Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah,Malaysia

**Corresponding email*: norsimahdasan@ums.edu.my

Received date: 12 November 2024; Accepted date: 10 Mac 2025

DOI: https://doi.org/10.51200/sapj.v13i1.5539

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menilai kebolehpercayaan dan kesahan instrumen bagi mengukur komunikasi seksual ibu bapa dan anak, penggunaan seks siber, penghargaan kendiri, dan sikap seksual dalam kalangan remaja sekolah menengah di Sarawak. Peningkatan masalah seksual dalam kalangan remaja bawah umur di Malaysia mendorong kepada perlunya pengukuran yang tepat dan boleh dipercayai. Seramai 141 responden berumur 13 hingga 17 tahun terlibat dengan kajian ini dan tempoh umur ini adalah bersesuaian dengan teori perkembangan psikososial yang memberi fokus kepada kekeliruan dan pencarian peranan serta identiti dalam fasa perkembangan remaja. Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 29.0. Hasil kajian menunjukkan instrumen komunikasi seksual ibu bapa mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Alpha Cronbach = .767), manakala instrumen penghargaan kendiri mencatat kebolehpercayaan yang lebih rendah (Alpha Cronbach = .511). Walaupun beberapa item menunjukkan korelasi rendah, ia tetap relevan dalam memahami aspek sikap seksual remaja. Kajian ini mencadangkan penambahbaikan lanjut terhadap instrumen bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan. Secara keseluruhan, dapatan ini memberikan asas yang berguna untuk memahami psikometrik pengujian instrumen yang bakal digunakan dalam kajian sebenar.

Kata Kunci: Kajian Rintis, Komunikasi Seksual, Seks Siber, Penghargaan Kendiri, Sikap Seksual

Abstracts: *This study aims to assess the reliability and validity of instruments designed to measure parental-child sexual communication, cybersex use, self-esteem, and sexual attitudes among secondary school students in Sarawak. The increase in*

sexual issues among underage adolescents in Malaysia emphasizes the need for accurate and reliable measurement tools. A total of 141 respondents, aged between 13 and 17 years, participated in the study, a developmental period consistent with Erikson's psychosocial theory (1997), which highlights the confusion and search for roles and identity during adolescence. Data were analyzed using IBM SPSS version 29.0. The results showed that the parental-child sexual communication instrument had high reliability (Cronbach's Alpha = .767), while the self-esteem instrument demonstrated lower reliability (Cronbach's Alpha = .511). Despite some items showing lower correlations, they remain relevant for understanding adolescent sexual attitudes. The study suggests further improvements to the instruments to enhance reliability and validity. Overall, these findings provide a valuable foundation for understanding the psychometric properties of the instruments to be used in the actual study.

Keywords: Pilot Study, Sexual Communication, Cybersex, Self-Esteem, Sexual Attitudes

PENGENALAN

Individu dalam tempoh perkembangan remaja cenderung mempunyai sikap terhadap seksual yang negatif (Wahyuningsih & Yugistyowati, 2021). Dalam konteks Malaysia, masalah seksual yang melibatkan remaja bawah umur semakin meningkat sejajar dengan peningkatan masalah seperti seks bebas, gangguan seksual, dan kes rogol. Malahan, golongan remaja yang berumur antara 13 hingga 17 tahun sangat mudah terpengaruh oleh aktiviti yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada diri mereka (Harris & Cheney, 2015; Kotiuga *et al.*, 2021). Teori perkembangan psikososial oleh Erikson (1997) menyatakan bahawa remaja sedang bereksperimen dengan identiti dan perkembangan seksual mereka sekaligus mendorong mereka lebih terdedah kepada pengaruh luar.

Sikap terhadap seksual negatif dalam kalangan remaja tidak hanya berkaitan dengan tingkah laku yang terlihat, tetapi juga dengan isu-isu yang lebih halus, seperti melayari laman web yang berkaitan dengan seksual atau seks siber, yang sering kali melibatkan kandungan lucah (Thomas *et al.*, 2021). Peningkatan kes kehamilan luar nikah menunjukkan betapa pentingnya untuk memahami faktor yang mempengaruhi sikap terhadap seksual remaja, seperti komunikasi seksual antara ibu bapa dan anak. Data daripada Kementerian Kebajikan Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (2022) menunjukkan bahawa antara 51,000 hingga 56,000 kes kelahiran anak luar nikah berlaku setiap tahun, mewakili purata sebanyak 150 kes setiap hari.

Usaha untuk memberikan panduan yang jelas dan konsisten kepada remaja sangat penting. Kurangnya komunikasi yang berkesan antara ibu bapa dan anak dalam pendidikan seksual telah terbukti menjadi faktor yang mendorong masalah seksual remaja (Astle *et al.*, 2023). Dalam era kemajuan teknologi, remaja semakin terdedah kepada kandungan seksual yang boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku mereka. Kajian oleh (Zhang *et al.*, 2024) dan Döring *et al.* (2015) mendapati bahawa remaja sering menggunakan internet untuk tujuan seksual.

Menyedari peningkatan masalah seksual ini dan keperluan untuk menggunakan intrumen yang bersesuaian dan relevan dalam konteks remaja sekarang, maka pengukuran untuk menilai kebolehpercayaan dan kesahan instrumen adalah perlu. Oleh yang demikian ujian keboleh percayaan dan kesahan dijalankan kepada instrumen komunikasi seksual ibu bapa dan anak, penggunaan seks siber, penghargaan kendiri, dan sikap seksual di kalangan remaja sekolah menengah di Sarawak. Dalam konteks ini, kebolehpercayaan instrumen dinilai menggunakan nilai Alpha Cronbach, yang memberikan indikasi tentang konsistensi alat pengukuran yang digunakan. Kesahan instrumen juga diperoleh melalui analisis korelasi Pearson, yang mengukur hubungan linear antara item-item dalam setiap konstruk, termasuk Komunikasi Seksual Ibu Bapa (KIB), Penggunaan Seks Siber (P), Penghargaan Kendiri (PK), dan Sikap Seksual (SS). Analisis ini bertujuan untuk memastikan bahawa item-item yang digunakan untuk mengukur perkara yang sama mempunyai hubungan yang signifikan antara satu sama lain (Hair *et al.*, 2019).

Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberikan panduan yang berguna untuk memperbaiki instrumen yang ada dan membantu dalam memahami hubungan antara keempat-empat aspek yang diuji, terutamanya dalam konteks budaya Malaysia. Kebanyakan kajian yang melibatkan remaja menggunakan soal selidik sikap seksual serta hubungannya dengan pemboleh ubah lain seperti komunikasi seksual antara ibu bapa dan anak, penggunaan seks siber, serta penghargaan kendiri. Walau bagaimanapun, penggunaan soal selidik ini mungkin menghasilkan dapatan yang berbeza disebabkan oleh konteks responden, iaitu remaja di Malaysia. Oleh itu, penelitian terhadap kesesuaian soal selidik tersebut perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti kebolehpercayaan instrumen

berdasarkan nilai Alpha Cronbach dan mengkaji kesahan interkorelasi antara item-item dalam instrumen yang diuji.

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan rekabentuk tinjauan untuk mengumpul data melalui soal selidik. Menurut Najmul Hasan dan Bao Yukun (2020) dan Fowler (2014), penggunaan borang soal selidik adalah salah satu kaedah yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan cara yang sistematik dan berstruktur.

Responden Kajian

Bagi memenuhi objektif iaitu untuk mengenalpasti keboleh percayaan dan kesahan instrumen kajian yang digunakan pada kajian sebenar kelak, maka seramai 141 pelajar sekolah menengah berumur antara 13 hingga 17 tahun terlibat secara rawak daripada beberapa sekolah di Sarawak yang telah diedarkan melalui Google Form. Jumlah sampel dalam kajian rintis ini adalah mencukupi. Menurut Cooper dan Schindler (2011), jumlah responden yang sesuai bagi kajian rintis biasanya berada dalam julat antara 25 hingga 100 orang. Selain itu, Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan minimum responden yang diperlukan untuk kajian rintis adalah 30 orang, khusus untuk tujuan kajian awal. Oleh itu, penglibatan 141 pelajar sebagai responden dalam kajian ini bukan sahaja memenuhi tetapi juga melebihi jumlah yang disarankan, sekaligus memastikan data yang lebih representatif dan boleh dipercayai untuk analisis yang lebih mendalam.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Soal selidik akan diedarkan dalam bentuk Google Form yang akan mengandungi beberapa bahagian iaitu Bahagian A (demografi), Bahagian B (komunikasi seksual ibu bapa dan anak), Bahagian C (penggunaan seks siber), Bahagian D (penghargaan kendiri) dan Bahagian E (sikap seksual).

Bahagian A: Latar belakang Responden

Bahagian ini mengumpulkan maklumat peribadi responden, termasuk jantina dan umur.

Bahagian B: Komunikasi Seksual

Bahagian B mengandungi soal selidik yang mengukur komunikasi seksual antara ibu bapa dan anak dengan menggunakan instrumen yang dibina oleh Jaccard *et al.* (2000). Responden diminta untuk menggunakan skala Likert 5 mata, dengan pilihan dari "Sangat tidak setuju" (1) hingga "Sangat setuju" (5), untuk menunjukkan tahap persetujuan mereka terhadap setiap item. Skor untuk instrumen ini adalah antara 16 hingga 80 mata. Dalam soal selidik ini, pengekodan item-item tertentu diterbalikkan di mana skor tinggi menunjukkan kualiti komunikasi yang rendah dan skor rendah menunjukkan kualiti komunikasi yang tinggi. Kebolehpercayaan dalaman instrumen ini dalam kajian lepas dicatatkan pada nilai 0.90 (alpha Cronbach) (Jaccard *et al.*, 2000). Dalam kajian ini, skor peserta berada dalam julat 20 hingga 80, dengan purata 45.01 (SD = 12.9; median = 44.0). Kebolehpercayaan keseluruhan yang diperoleh dalam kajian ini adalah 0.89 (alpha Cronbach).

Bahagian C: Penggunaan Seks Siber

Bahagian C mengukur penggunaan seks siber menggunakan *Cyber Pornography Use Inventory-9* (CPUI-9) yang dibangunkan oleh Grubbs *et al.* (2014). Peserta diminta menjawab setiap item berdasarkan skala Likert 7 mata, yang dinilai dari 1 (tidak sama sekali) hingga 7 (selalu). Jumlah skor keseluruhan adalah antara 9 dan 63. Kesahan dan kebolehpercayaan inventori ini telah disahkan oleh Grubbs *et al.* (2014), yang melaporkan pekali Alpha Cronbach sebagai 0.81.

Bahagian D: Penghargaan Kendiri

Bahagian D mengandungi soal selidik untuk mengukur penghargaan kendiri berdasarkan Skala Penghargaan Kendiri Rosenberg (1965), yang terdiri daripada 10 item. Skala ini mengukur nilai kendiri global, termasuk perasaan positif dan negatif tentang diri. Semua item dijawab menggunakan skala Likert 4 mata, dari "Sangat tidak setuju" (1) hingga "Sangat setuju" (4), dengan beberapa kod item (item 2, 5, 6, 8, dan 9) diterbalikkan. Skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap penghargaan kendiri yang lebih tinggi. Manual Rosenberg (1965) menyatakan bahawa beberapa item digabungkan untuk mengukur satu aspek penghargaan kendiri. Analisis korelasi Pearson digunakan untuk menilai kekuatan hubungan antara item dan konstruk penghargaan kendiri. Skala ini mempunyai kesahan ramalan yang baik, serta ketekalan dalaman dan kebolehpercayaan ujian semula (Schmitt & Allik, 2005; Torrey *et al.*, 2000). Pekali Cronbach yang tinggi (M = 0.81) menyokong konsistensi dalaman skala.

Bahagian E: *Sexual Attitude Scale* (SAS)

Bahagian E menggunakan soal selidik *Sexual Attitude Scale* (SAS) oleh Hudson *et al.* (1983) untuk mengukur sikap seksual. SAS mengandungi 24 item yang menilai sikap liberal dan konservatif terhadap seksualiti, menggunakan skala Likert dari "Sangat tidak setuju" (1) hingga "Sangat setuju" (5). Menurut Hudson *et al.* (1983) juga, skor keseluruhan SAS adalah antara 0 hingga 100, di mana skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap konservatisme yang lebih tinggi, dan skor yang lebih rendah menunjukkan sikap yang lebih liberal. Skor 0 mewakili kedudukan paling liberal, manakala skor 100 menunjukkan kedudukan paling konservatif. Skor melebihi 50 menunjukkan kecenderungan kepada konservatisme, manakala skor di bawah 50 menunjukkan kecenderungan kepada liberalisme. Item 21 dan Item 22 merupakan item negatif. Skala ini secara konsisten mencapai pekali Alpha 0.90 atau lebih besar dan telah dikaji dari segi kandungan, konstruk, faktorial, dan kesahan kumpulan yang diketahui. Skala ini hampir sentiasa mencapai pekali kesahan 0.60 atau lebih (Hudson *et al.*, 1983).

Jadual 1: Bahagian dalam Borang Soal Selidik dan Bilangan Item

Bahagian	Konstruk	Instrumen	Bilangan Item
Bahagian A	Demografi	Jantina, Umur	2
Bahagian B	Komunikasi Seksual Ibu Bapa dan Anak	*Parents-Child Sexual Communication* (PCSC)	14
Bahagian C	Penggunaan Seks Siber	*Cyber Pornography Use Inventory-9* (CPUI-9)	9
Bahagian D	Penghargaan Kendiri	*Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE)	10
Bahagian E	Sikap Seksual	*Sexual Attitude Scale* (SAS)	24
		Jumlah	59

Prosedur Kajian

Kajian ini menjaga kerahsiaan dan hak responden untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa. Kebenaran daripada responden turut diperoleh sebelum kajian bermula. Soal selidik diedarkan secara dalam talian melalui *Google Form* kepada responden yang terlibat. Responden turut diberi arahan yang jelas serta jaminan kerahsiaan. Data dikumpul secara automatik akan disimpan dalam file Excel. Kemudian, data akan diproses menggunakan IBM SPSS versi 29.0. Seterusnya, kebolehpercayaan instrumen diukur dengan Alpha Cronbach untuk menentukan ketekalan dalaman, manakala kesahan dinilai melalui analisis korelasi Pearson bagi mengukur hubungan antara item.

Analisis Data

Analisis data ini dilakukan untuk menilai ciri-ciri demografi responden, menguji kebolehpercayaan, dan kesahan konstruk bagi instrumen yang digunakan. Analisis deskriptif yang melibatkan peratusan dan kekerapan digunakan untuk data demografi responden. Ujian kebolehpercayaan dilakukan menggunakan Alpha Cronbach untuk mengukur ketekalan dalaman.

Jadual 2: Interpretasi Korelasi Pearson

Nilai Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi	Penjelasan
0.00 - 0.19	Sangat Lemah	Korelasi hampir tidak wujud
0.20 - 0.39	Lemah	Korelasi yang lemah tetapi signifikan
0.40 - 0.59	Sederhana	Korelasi sederhana
0.60 - 0.79	Kuat	Korelasi kuat
0.80 - 0.99	Sangat Kuat	Korelasi yang sangat kuat
1.00	Perhubungan Padu	Korelasi sempurna (hubungan linier sempurna)

Sumber: Streiner, D. L. (2003)

Bagi menguji kesahan konvergen, ujian korelasi Pearson digunakan. Nilai korelasi minimum untuk sesuatu item ialah .40, dengan .40 hingga .60 menunjukkan korelasi sederhana, manakala nilai .60 ke atas mencerminkan korelasi yang kuat dalam faktor tertentu (Streiner, 2003).

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Responden kajian ini terdiri daripada 2 kategori demografi, termasuk umur dan jantina.

Jadual 3: Demografi Responden

Pembolehubah	Kekerapan (n=141)	Peratus
Umur		
13 tahun	25	17.7%
14 tahun	36	25.5%
15 tahun	25	17.7%
16 tahun	28	19.9%
17 tahun	27	19.1%
Jantina		
Lelaki	66	46.8%
Perempuan	75	53.2%

Berdasarkan Jadual 3, analisis deskriptif menunjukkan taburan responden hampir seimbang mengikut kategori umur. Namun, responden berumur 14

tahun mencatat jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 25.5 peratus. Ini diikuti oleh responden berumur 16 tahun dengan peratusan sebanyak 19.9 peratus, manakala responden berumur 17 tahun menyumbang sebanyak 19.1 peratus. Responden yang berumur 13 dan 15 tahun mempunyai kekerapan yang sama, iaitu masing-masing sebanyak 17.7 peratus.

Dari sudut jantina, majoriti responden adalah perempuan iaitu mencatatkan sebanyak 53.2 peratus, manakala responden lelaki membentuk 46.8 peratus. Ini menunjukkan pembahagian responden yang agak seimbang dari segi umur dan jantina.

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Nilai alpha cronbach diklasifiksikan kepada beberpa kategori iaitu .90 hingga 1.00 sangat tinggi, .70 hingga .89 tinggi, .30 hingga .69 sederhana dan .00 hingga .29 adalah rendah (Babbie, 1992; Gliem & Gliem, 2003; Tavakol & Dennick, 2011; Nunally & Bernstein, 1994; Pallant, 2020; Streiner, 2003; Hair *et al.*, 2014).

Jadual 4 mengandungi klasifikasi nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach berdasarkan beberapa kajian lepas.

Jadual 4: Klasifikasi Nilai Kebolehpercayaan

Kategori	Julat Alpha Cronbach	Keterangan
Sangat Tinggi	0.90 – 1.00	Ketekalan dalaman sangat tinggi
Tinggi	0.70 – 0.89	Ketekalan dalaman yang boleh diterima dan tinggi
Sederhana	0.30 – 0.69	Masih boleh diterima
Rendah	0.00 – 0.29	Ketekalan dalaman tidak memadai; perlu penambahbaikan

Sumber: (Babbie, 1992); (Gliem & Gliem, 2003); (Tavakol & Dennick, 2011); (Nunally & Bernstein, 1994); (Streiner, 2003); (Pallant, 2020); (Hair *et al.*, 2014)

Berdasarkan Jadual 5 analisis kebolehpercayaan menunjukkan nilai alpha bagi 14 item instrumen komunikasi seksual ibu bapa dalam kajian rintis ini adalah sebanyak .767. Nilai ini menunjukkan kebolehpercayaan instrumen yang tinggi dan boleh diterima. Instrumen penggunaan seks siber pula mengandungi 9 item di mana instrumen ini memperoleh nilai alpha sebanyak

.642. Manakala instrumen penghargaan kendiri pula memperoleh nilai alpha yang paling rendah berbanding instrumen yang lain iaitu sebanyak .511 dengan 10 item. Instrumen sikap seksual pula memperoleh nilai alpha sebanyak .681 di mana instrumen ini mengandungi 24 item. Ketiga-tiga instrumen ini masing-masing memperoleh nilai alpha yang dikategorikan pada tahap sederhana.

Oleh itu, berdasarkan hasil dapatan kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian menunjukkan bahawa item-item yang membentuk konstruk komunikasi seksual ibu bapa, penggunaan seks siber, penghargaan kendiri, dan sikap seksual mempunyai aras ketekalan yang sesuai bagi mengumpul data-data yang dikehendaki untuk kajian ini.

Jadual 5: Nilai Alpha Cronbach Semua Instrumen Dalam Kajian Rintis

Instrumen Kajian	Alpha cronbach	Bilangan soalan (n)
Komunikasi Seksual Ibu Bapa	.767	14
Penggunaan Seks Siber	.642	9
Penghargaan Kendiri	.511	10
Sikap Seksual	.681	24

Kesahan Instrumen Kajian

Kesahan instrumen adalah aspek penting dalam penyelidikan untuk memastikan bahawa alat pengukuran yang digunakan benar-benar mengukur konstruk yang dimaksudkan (Anastasi & Urbina, 1997). Salah satu pendekatan untuk menilai kesahan ialah melalui analisis korelasi Pearson, yang mengukur hubungan linear antara dua pemboleh ubah berterusan (Cohen *et al.*, 2013). Korelasi Pearson menghasilkan koefisien korelasi (r) yang berkisar antara -1 hingga 1.

Jadual 6 : Koefisien Kolerasi dan Interpretasi (Cohen *et al.*, 2013)

Koefisien kolerasi (r)	Interpretasi
r = 1	Kolerasi positif sempurna (hubungan langsung yang kuat)
r = -1	Korelasi negatif sempurna (hubungan songsang yang kuat)
r = 0	Tiada korelasi linear antara pemboleh ubah

Nilai r yang lebih dekat kepada 1 atau -1 menunjukkan hubungan yang lebih kuat antara dua pemboleh ubah. Dalam konteks penilaian instrumen, korelasi yang signifikan dan tinggi antara item individu dengan skor keseluruhan menunjukkan bahawa item tersebut adalah sah dalam mengukur konstruk

yang dimaksudkan (Field, 2018). Menurut Guilford (1956) pula, kekuatan korelasi juga boleh ditafsirkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 : Interpretasi Kekuatan Korelasi (Guiford, 1956)

Koefisien kolerasi (r)	Interpretasi
0.80 hingga 1.00	Sangat tinggi
0.60 hingga 0.79	Tinggi
0.40 hingga 0.59	Sederhana
0.20 hingga 0.39	Rendah
0.00 hingga 0.19	Sangat rendah

Korelasi yang signifikan secara statistik (biasanya $p < 0.05$) menunjukkan bahawa hubungan yang diperoleh tidak berlaku secara kebetulan, sekali gus menyokong kesahan item tersebut dalam instrumen (Pallant, 2020).

Penerangan kesahan instrumen dalam konteks kajian ini melibatkan analisis korelasi Pearson yang digunakan untuk menilai hubungan antara item-item dalam setiap konstruk, iaitu Komunikasi Seksual Ibu Bapa (KIB), Penggunaan Seks Siber (P), Penghargaan Kendiri (PK) dan Sikap Seksual (SS). Analisis ini dilakukan bagi mengukur kesahan konvergen, di mana item-item yang dihipotesiskan mengukur konstruk yang sama sepatutnya menunjukkan korelasi yang signifikan antara satu sama lain (Hair *et al.*, 2010).

Kesahan Instrumen Komunikasi Seksual Ibu Bapa (KIB)

Berdasarkan analisis korelasi item-item dalam instrumen Komunikasi Seksual Ibu Bapa (KIB) pada Jadual 8, kebanyakan item menunjukkan hubungan yang kuat dengan jumlah skor keseluruhan KIB (Total KIB). Ini menunjukkan bahawa instrumen ini berfungsi dengan baik untuk menilai tahap komunikasi seksual antara remaja dan ibu bapa. Hanya KIB5 sahaja mempunyai korelasi yang rendah dengan item-item yang lain.

Jadual 8 : Inter-kolerasi Antara Item dan Keseluruhan Item Komunikasi Seksual Ibu Bapa

Item	KIB1	KIB2	KIB3	KIB4	KIB5	KIB6	KIB7
KIB1	1	.118	.168*	.235**	.033	.185*	.014
KIB2		1	.284**	.291**	.076	.178*	.183*

KIB3	1	.201**	.168*	.247**	.170*
KIB4		1	.089	-.004	.143
KIB5			1	.226**	.217**
KIB6				1	.128
KIB7					1

Item	KIB8	KIB9	KIB10	KIB11	KIB12	KIB13	KIB14	Total KIB
KIB1	.318**	.170*	.158	.222**	.204*	.192*	.269**	.478**
KIB2	.299**	.289**	.374**	.142	.292**	.232*	.242**	.579**
KIB3	.239**	.208*	.225**	.224**	.120	.265**	.267**	.546**
KIB4	.259**	.332**	.119	.132	.160	.207*	.196*	.480**
KIB5	.112	.087	.127	-.076	.167*	.275**	.070	.355**
KIB6	.209*	.155	.249**	.191*	.068	.237**	.118	.456**
KIB7	-.001	.149	.084	.040	.156	.245**	.108	.368**
KIB8	1	.280**	.140	.231**	.134	.287**	.346**	.560**
KIB9		1	.287**	.178*	.159	.124	.298**	536**
KIB10			1	.262*	.299**	.158	.283**	.540**
KIB11				1	.132	.102	.352**	.456**
KIB12					1	.169*	.175*	.465**
KIB13						1	.307**	.547**
KIB14							1	.585**
Total KIB		.						1

* Significant (2-tailed), p<0.05, **p<0.01

Kesahan Instrumen Penggunaan Seks Siber (P)

Jadual 9 menunjukkan dapatan analisis korelasi antara item Penggunaan seks siber (P). Terdapat banyak item yang menunjukkan hubungan signifikan dengan jumlah keseluruhan (Total P). P1 ("Saya percaya saya ketagih kepada pornografi Internet") menunjukkan korelasi yang signifikan dengan Total P pada tahap r = .517**, p < .001, yang mengukuhkan kesahan instrumen ini dalam mengukur ketagihan seks siber. Begitu juga dengan P6 ("Saya telah menangguhkan keutamaan penting untuk melihat pornografi"), yang menunjukkan korelasi kuat (r = .633**, p < .001) dengan Total P, memperkuatkan kesahan dalaman.

Namun, beberapa item seperti item P7, P8, dan P9 menunjukkan korelasi yang lebih rendah. Sebagai contoh, item P7 ("Saya berasa malu selepas melihat pornografi dalam talian") hanya menunjukkan korelasi r = .041, p > .05 dengan item 1 dan r = .367**, p < .001 dengan Total P. P9 ("Saya berasa sakit hati selepas melihat pornografi dalam talian") pula menunjukkan r = .024, p > .05 dengan P5 dan r = .369**, p > .05 dengan Total P.

Jadual 9 : Inter-kolerasi Antara Item dan Keseluruhan Item Penggunaan Seks Siber

Item	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9	Total P
P1	1	.225**	.246**	.295**	.246**	.258**	.041	.024	.093	.517**
P2		1	.331**	.389**	.313**	.354**	.031	.206*	-.067	.598**
P3			1	.223**	.183*	.174*	-.015	.025	.124	.492**
P4				1	.358**	.313**	.093	.154	.027	.623**
P5					1	.432**	-.026	-.060	.024	.545**
P6						1	.039	.194*	.114	.633**
P7							1	.328**	.181*	.367**
P8								1	.151	.441**
P9									1	.369**
Total P										1

* Significant (2-tailed), p<0.05, **p<0.01

Kesahan Instrumen Penghargaan Kendiri (PK)

Hasil analisis interkorelasi bagi instrumen Penghargaan Kendiri (PK) pada Jadual 10 menunjukkan kebanyakan item mempunyai korelasi yang signifikan. Sebagai contoh, PK1 ("Pada keseluruhannya saya berpuas hati dengan diri saya") menunjukkan korelasi yang positif dan signifikan dengan Total PK ($r = .449^{**}$, $p < .001$). Bermakna item ini konsisten dalam mengukur tahap penghargaan kendiri. PK6 ($r = .564^{**}$, $p < .001$) dan PK8 ($r = .582^{**}$, $p < .001$) juga menunjukkan korelasi signifikan dengan Total PK dan telah memperkukuh kesahan item-item tersebut.

Walaupun terdapat beberapa item yang kurang signifikan, seperti PK5 ($r = -.073$, $p > .05$) dengan PK1, dan PK10 dengan korelasi negatif terhadap PK9 ($r = -.078$, $p > .05$), item-item ini masih dianggap penting. Ini kerana mereka mencerminkan aspek yang lebih kompleks dalam konsep penghargaan kendiri, walaupun korelasi mereka lemah.

Jadual 10 : Inter-kolerasi Antara Item dan Keseluruhan Item Penghargaan Kendiri

Item	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
PK1	1	.196*	-.019	.213*	-.073
PK2		1	-.134	.050	.062
PK3			1	.083	.193*
PK4				1	.002
PK5					1

Item	PK6	PK7	PK8	PK9	PK10	Total PK
PK1	.198*	.255**	.076	.050	-.011	.449**
PK2	.163	.019	.086	-.010	.229**	.371**
PK3	.245**	-.039	.212*	.191*	-.011	.419**
PK4	.052	.124	.100	-.002	.237*	.414**
PK5	.052	.049	.275**	.122	-.063	.386**

PK6	1	-.032	.349**	.224**	.071	.564**
PK7		1	.132	.002	.106	.368**
PK8			1	.171*	.082	.582**
PK9				1	-.078	.400**
PK10					1	.333**
Total PK						1

* Significant (2-tailed), p<0.05, **p<0.01

Kesahan Instrumen Sikap Seksual (SS)

Dapatan daripada analisis interkolerasi Sikap Seksual (SS) pada Jadual 11 menunjukkan hubungan korelasi yang berbeza-beza antara item-item soalan. Beberapa item mempunyai korelasi yang kuat, mencerminkan konsistensi dalaman yang baik, seperti SS16 ("Seks hendaklah difokuskan kepada pembiakan manusia") dengan SS13 ("Saya rasa seks perlu dikhaskan untuk perkahwinan"), di mana kedua-duanya mencerminkan kepercayaan tradisional ataupun konservatif (r = .530, p < .001).

Namun, terdapat juga item seperti SS21 ("Undang-undang yang melarang perbuatan seksual di kalangan orang dewasa yang memberi persetujuan tidak sepatutnya wujud") yang mempunyai korelasi yang lebih rendah (r = -.013, p > .05). Ini mungkin disebabkan oleh perbezaan dalam pandangan responden yang lebih liberal atau terbuka berbanding item yang lebih berasaskan norma budaya. Remaja dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun membentuk pandangan mereka melalui pelbagai pengaruh, termasuk media dan rakan sebaya, yang boleh menyumbang kepada korelasi yang lebih rendah terhadap item-item ini.

Oleh itu, item yang tidak signifikan dalam analisis interkolerasi masih digunakan untuk mengekalkan keluasan aspek yang dikaji, terutama apabila kajian bertujuan untuk merangkumi pelbagai dimensi sikap terhadap seksual serta mengukur pelbagai perspektif remaja terhadap isu-isu seksual yang lebih luas dan relevan dengan konteks semasa.

Jadual 11 : Inter-kolerasi Antara Item dan Keseluruhan Item Sikap Seksual

Item	SS1	SS2	SS3	SS4	SS5	SS6	SS7	SS8

SS1	1	.118*	.152	.128	-.101	.065	.188*	.207*
SS2		1	.120	-.052	-.107	-.078	.260**	.054
SS3			1	-.072	.006	.097	.165	.200*
SS4				1	.190*	.110	.020	.053
SS5					1	.158	.036	.080
SS6						1	-.016	.027
SS7							1	.332**
SS8								1

Item	SS9	SS10	SS11	SS12	SS13	SS14
SS1	.240**	.295**	.250**	.012	.336**	-.011
SS2	.378**	.232**	.284**	.062	.282**	-.023
SS3	.214*	.218**	.199*	.061	.147	-.017
SS4	.111	.065	.073	.009	-.032	-.030
SS5	-.035	-.074	.016	-.155	-.099	.138
SS6	-.004	.023	-.061	-.044	-.047	.140
SS7	.292**	.402**	.236**	.038	.299**	-.116
SS8	.236**	.274**	.129	.087	.231**	-.055
SS9	1	.419**	.247**	.080	.156	-.099
SS10		1	.208*	.170*	.187*	-.104
SS11			1	.181*	.138	.015
SS12				1	.097	-.021
SS13					1	-.010
SS14						1

Item	SS15	SS16	SS17	SS18	SS19
SS1	.160	.168*	.197*	.153	.161
SS2	.192*	.074	.224**	.075	.274**
SS3	.204*	.003	.169*	.295**	.072
SS4	.038	.152	-.001	-.024	.054
SS5	.041	.045	-.034	-.016	.096
SS6	.022	.162	-.009	-.174*	-.051
SS7	.212*	.065	.133	.182*	.204*
SS8	.058	.111	.125	.207*	.127
SS9	.203*	.124	.092	.150	.122
SS10	.303**	.129	.196*	.162	.293**
SS11	.173*	.191*	.130	.191*	.302**
SS12	.090	.091	.116	.073	.380**
SS13	.342**	.107	.327**	.224**	.217**
SS14	.067	.081	.121	-.241**	-.094
SS15	1	.147	.117	.255*	.156
SS16		1	.093	.013	.147
SS17			1	.130	.229*
SS18				1	.151
SS19					1

Item	SS20	SS21	SS22	SS23	SS24	Total SS
SS1	-.012	-.013	-.308**	.293**	.262**	.489**
SS2	-.150	-.065	-.096	.310**	.264**	.454**
SS3	.035	-.085	-.129	.142	.125	.404**
SS4	.064	-.105	-.049	.123	-.009	.216**

SS5	.127	-.009	.110	.004	-.052	.142
SS6	-.081	-.157	-.014	-.017	-.202*	.095
SS7	-.012	-.109	-.239*	.264**	.394**	.520**
SS8	.069	-.115	-.052	.132	.020	.431**
SS9	-.129	.045	-.155	.329**	.289**	.528**
SS10	-.115	-.018	-.274**	.304**	.312**	.572**
SS11	.061	.076	-.168*	.230**	.302**	.531**
SS12	.031	-.167*	-.188*	.005	.057	.263**
SS13	.020	-.027	-.139	.259**	.240**	.530**
SS14	.033	.023	.025	.018	.038	.096
SS15	-.075	-.180*	-.155	.240**	.272**	.482**
SS16	-.168*	-.112	-.081	.089	.100	.328**
SS17	-.075	-.064	-.188*	.301**	.079	.422**
SS18	.001	.012	-.101	.149	.037	.359**
SS19	-.045	-.089	-.193*	.147	.115	.469**
SS20	1	.043	.031	.048	-.091	.062
SS21		1	.046	-.076	-.019	-.041
SS22			1	-.063	-.148	-.193*
SS23				1	.456**	.570**
SS24					1	.471**
Total SS						1

* Significant (2-tailed), $p<0.05$, **$p<0.01$

PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai instrumen versi bahasa Malaysia yang meliputi komunikasi seksual antara ibu bapa dan anak, penggunaan seks siber, penghargaan kendiri, serta sikap terhadap seksual dalam kalangan murid sekolah menengah. Perbincangan dalam kajian ini memfokuskan kepada

analisis kebolehpercayaan dan kesahan, dengan meneliti interkorelasi antara item-item dalam soal selidik yang digunakan.

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan instrumen dinilai menggunakan nilai Alpha Cronbach, yang merupakan ukuran ketekalan pengukuran. Nilai Alpha antara .70 dan .80 dianggap baik, manakala nilai antara .30 dan .69 masih diterima untuk kajian eksploratori (Hair et al., 2014; Gliem & Gliem, 2003).

Instrumen Komunikasi Seksual Ibu Bapa mencatatkan nilai Alpha .767, menunjukkan kebolehpercayaan tinggi dan konsisten dalam mengukur komunikasi seksual antara ibu bapa dan anak. Instrumen Penggunaan Seks Siber memperoleh nilai Alpha .642, mencerminkan kebolehpercayaan sederhana tetapi boleh diterima, terutama bagi konstruk dengan kurang daripada 10 item (Pallant, 2020).

Bagi Penghargaan Kendiri, nilai Alpha .511 menunjukkan kebolehpercayaan rendah tetapi masih relevan kerana faktor silang budaya yang mempengaruhi konstruk ini (Schmitt & Allik, 2005). Walaupun rendah, item-item dalam instrumen ini penting untuk memahami dimensi kompleks penghargaan kendiri.

Instrumen Sikap Seksual mencatatkan nilai Alpha .681, menandakan kebolehpercayaan sederhana tetapi sesuai untuk kajian eksploratori, terutama bagi konstruk yang kompleks. Keseluruhannya, instrumen ini masih relevan dengan penambahbaikan yang mungkin diperlukan dalam kajian lanjut.

Kesahan Instrumen Kajian

Konstruk Komunikasi Seksual Ibu Bapa dan Anak

Konstruk Komunikasi Seksual Ibu Bapa dan Anak (KIB) menunjukkan kesahan dalaman yang positif berdasarkan ujian interkorelasi, dengan kebanyakan item mempunyai korelasi yang signifikan dengan jumlah skor keseluruhan KIB. Ini menunjukkan konsistensi dalam mengukur komunikasi seksual dalam keluarga. Sebagai contoh, item seperti KIB1 dan KIB14 menunjukkan korelasi signifikan dengan Total KIB, menekankan bahawa perasaan malu di kalangan remaja dan ibu bapa mengurangkan keterbukaan dalam perbincangan seksual. Kajian terdahulu menyokong dapatan ini,

menegaskan bahawa rasa malu kedua-dua pihak memainkan peranan penting dalam komunikasi seksual yang efektif.

Walau bagaimanapun, terdapat item seperti KIB5 yang menunjukkan korelasi lebih rendah dengan Total KIB, yang mencerminkan persepsi anak tentang pengetahuan ibu bapa. Walaupun perasaan malu dan norma budaya konservatif di Malaysia mempengaruhi komunikasi seksual, item-item tersebut masih relevan kerana mereka mencerminkan faktor psikologi dan sosiokultural yang mempengaruhi perbincangan seksual.

Meskipun beberapa item mempunyai korelasi rendah (KIB7, KIB8, KIB9), ia tidak dikeluarkan kerana ia merangkumi dimensi penting dalam memahami komunikasi seksual yang lebih kompleks dalam keluarga. Kajian ini menekankan kepentingan mengekalkan item-item tersebut untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai komunikasi seksual antara ibu bapa dan anak-anak dalam konteks budaya yang berbeza. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa konstruk KIB adalah konsisten dan sah dalam menilai tahap komunikasi seksual dalam keluarga.

Konstruk Penggunaan Seks Siber

Konstruk Penggunaan Seks Siber menunjukkan kesahan dalaman yang signifikan, dengan beberapa item yang berkaitan dengan ketagihan seks siber memperlihatkan korelasi yang kuat dengan Total P. Sebagai contoh, item P1 ("Saya percaya saya ketagih kepada pornografi Internet") menunjukkan korelasi signifikan ($r = .517^{**}$, $p < .001$), manakala item P6 ("Saya telah menangguhkan keutamaan penting untuk melihat pornografi") menunjukkan korelasi lebih kuat ($r = .633^{**}$, $p < .001$). Ini mengukuhkan kesahan konstruk dalam mengukur ketagihan pornografi siber dan kesan penggunaannya terhadap keutamaan responden.

Walau bagaimanapun, item seperti P7 ("Saya berasa malu selepas melihat pornografi") menunjukkan korelasi yang lebih rendah dengan item 1 ($r = .041$, $p > .05$), tetapi tetap mempunyai korelasi sederhana dengan Total P ($r = .367^{**}$, $p < .001$). Korelasi rendah ini masih relevan kerana ia mencerminkan aspek emosi yang berkait rapat dengan ketagihan seks siber, seperti rasa malu dan tertekan selepas penggunaan. Kajian terdahulu menyokong peranan emosi negatif, seperti rasa bersalah atau malu, yang dapat mempengaruhi tingkah laku ketagihan seks siber.

Pengekalan item dengan korelasi rendah, walaupun kurang signifikan dari segi statistik, adalah penting kerana ia menangkap dimensi unik dalam fenomena yang dikaji. Pendekatan kesahan kandungan, seperti yang disarankan oleh Clark dan Watson (1995) serta Streiner & Norman (2008), menyokong bahawa item yang tidak mempunyai korelasi tinggi dengan item lain tetap relevan jika ia mencerminkan aspek tertentu dalam skala yang lebih holistik.

Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa konstruk Penggunaan Seks Siber adalah alat yang berkesan untuk mengukur ketagihan seks siber, dengan pengekalan item-item tertentu yang menangkap dimensi emosi dan tingkah laku yang lebih mendalam dalam pengalaman pengguna terhadap seks siber.

Konstruk Penghargaan Kendiri

Hasil analisis korelasi dalam konstruk Penghargaan Kendiri (PK) menunjukkan bahawa kebanyakan item menunjukkan hubungan yang signifikan, menandakan kesahan dalaman yang baik untuk instrumen ini. Sebagai contoh, item PK1 ("Pada keseluruhannya saya berpuas hati dengan diri saya") menunjukkan korelasi positif yang signifikan dengan Total PK ($r = .449$, $p < .001$), yang mengukuhkan pengukuran aspek positif penghargaan kendiri. Begitu juga, item PK6 ($r = .564$, $p < .001$) dan PK8 ($r = .582$, $p < .001$) menunjukkan korelasi yang kuat dengan Total PK, memperkukuhkan kesahan dalaman konstruk ini.

Namun, beberapa item, seperti PK5 ("Saya rasa saya tidak mempunyai apa-apa untuk dibanggakan") dan PK10 ("Saya mengambil sikap positif terhadap diri saya"), menunjukkan korelasi yang rendah dengan item lain. Sebagai contoh, PK5 tidak menunjukkan korelasi signifikan dengan PK1 ($r = -.073$, $p > .05$), sementara PK10 mempunyai korelasi negatif lemah dengan PK9 ($r = -.078$, $p > .05$). Walaupun korelasi ini lebih rendah, kajian lepas mengesahkan bahawa instrumen penghargaan kendiri yang mengukur kedua-dua aspek positif dan negatif harga diri tetap relevan, terutamanya dalam menangkap dimensi penghargaan kendiri yang lebih kompleks (Gnambs & Schroeders, 2017; Rosenberg, 1965).

Selain itu, item negatif seperti PK5 mungkin mencatatkan korelasi yang lebih rendah disebabkan oleh kesukaran responden untuk menafsir soalan tersebut secara konsisten (Swain et al., 2008). Meskipun demikian, item negatif ini

tetap penting dalam memastikan instrumen dapat menangkap kedua-dua aspek positif dan negatif penghargaan kendiri, seperti perasaan tidak berharga atau kegagalan (Syropoulou et al., 2021; Tafarodi & Swann, 2001).

Korelasi rendah antara PK2 ("Saya rasa saya mempunyai beberapa kualiti yang baik") dan PK7 ("Saya rasa saya seorang yang berharga, sekurang-kurangnya pada tahap yang sama dengan orang lain") dengan Total PK boleh dijelaskan melalui perbezaan fokus dalam penilaian diri, di mana PK2 menekankan pengiktirafan ciri-ciri positif dalam diri secara spesifik, dan PK7 melibatkan penilaian diri dalam konteks sosial (Rosenberg, 1965; Sorjonen & Melin, 2024).

Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa konstruk Penghargaan Kendiri mempunyai kesahan dalaman yang memuaskan walaupun terdapat beberapa item dengan korelasi rendah. Item-item tersebut tetap relevan kerana ia mencerminkan aspek mendalam penghargaan kendiri yang penting dalam kalangan remaja, terutamanya dalam konteks perubahan emosi, sosial, dan kognitif mereka (Harter, 2012; Steinberg, 2023). Ujian rintis ini memberikan gambaran yang berguna mengenai kekuatan dan kelemahan konstruk ini, dan instrumen ini masih sesuai digunakan dalam kajian utama.

Konstruk Sikap Seksual

Perbincangan kajian analisis interkorelasi bagi konstruk Sikap Seksual (SS) menunjukkan pelbagai hubungan korelasi antara item-item yang diuji, dengan sebahagian besar item menunjukkan hubungan korelasi yang kuat, mencerminkan konsistensi dalaman yang baik. Sebagai contoh, item SS16 ("Seks hendaklah difokuskan kepada pembiakan manusia") dan SS13 ("Saya rasa seks perlu dikhaskan untuk perkahwinan") menunjukkan korelasi signifikan ($r = .530$, $p < .001$), mencerminkan pandangan konservatif mengenai seks yang dikaitkan dengan perkahwinan dan pembiakan.

Namun, beberapa item menunjukkan korelasi rendah atau tidak signifikan dengan item lain. Contohnya, item SS21 ("Undang-undang yang melarang perbuatan seksual di kalangan orang dewasa yang memberi persetujuan tidak sepatutnya wujud") menunjukkan korelasi yang sangat rendah ($r = -.013$, $p > .05$). Hal ini mungkin berpunca daripada perbezaan perspektif responden yang lebih liberal terhadap isu tersebut, yang tidak sejajar dengan pandangan konservatif dalam item-item lain. Perbezaan ini boleh dijelaskan dengan fakta

bahawa responden kajian terdiri daripada remaja berumur 13 hingga 17 tahun, yang sedang berada dalam fasa pembentukan identiti.

Remaja dalam kelompok umur ini sering dipengaruhi oleh pelbagai sumber, seperti media, pendidikan, dan rakan sebaya, yang membentuk pandangan mereka terhadap isu seksual (Bleakley et al., 2011; Kotchick et al., 1999; Santelli et al., 2017). Oleh itu, meskipun terdapat beberapa item yang menunjukkan korelasi rendah atau tidak signifikan (SS5, SS6, SS14, SS20, SS21), ia tetap penting dalam mengukur pelbagai perspektif remaja terhadap isu seksual yang lebih luas dan relevan dengan konteks semasa.

Dalam konteks kajian ini, item-item yang menunjukkan korelasi rendah atau tidak signifikan masih diterima jika ia menawarkan perspektif unik atau penting terhadap topik kajian. Streiner dan Norman (2008) menyatakan bahawa item dengan korelasi rendah mungkin mewakili subkonstruk atau dimensi berbeza dalam satu skala dan tetap berguna untuk menggambarkan variasi dalam respons individu terhadap isu seksual.

Oleh itu, walaupun terdapat item-item yang tidak signifikan dalam analisis interkorelasi, item-item ini tetap digunakan dalam kajian ini untuk mengekalkan keluasan aspek yang dikaji. Pendekatan ini memastikan kajian dapat merangkumi pelbagai dimensi sikap terhadap seksual dan perspektif remaja terhadap isu-isu seksual yang lebih luas dan relevan dalam konteks semasa. Dengan pendekatan ini, kajian ini berpotensi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai sikap seksual dalam kalangan remaja dan faktor-faktor yang mempengaruhi pandangan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan menguji kebolehpercayaan dan kesahan instrumen untuk mengukur komunikasi seksual ibu bapa dan anak, penggunaan seks siber, penghargaan kendiri, dan sikap seksual di kalangan remaja. Dapatan menunjukkan instrumen komunikasi seksual ibu bapa mempunyai kebolehpercayaan yang baik, manakala instrumen lain menunjukkan kebolehpercayaan sederhana hingga rendah, mencerminkan keperluan penambahbaikan. Walaupun beberapa item menunjukkan korelasi rendah, ia tetap relevan dalam menggambarkan dimensi penting seperti halangan komunikasi, emosi berkaitan penggunaan seks siber, persepsi diri, dan pandangan liberal terhadap isu seksual. Penemuan ini selari dengan kajian terdahulu yang menekankan pentingnya memahami pelbagai dimensi sikap

terhadap seksual remaja. Hasil kajian memberi panduan awal untuk memperbaiki instrumen dan memahami hubungan antara pemboleh ubah ini, dengan cadangan untuk meneroka lebih mendalam dalam konteks yang lebih luas.

Kenyataan Persetujuan Termaklum
Saya bagi pihak penulis lain bersetuju untuk penulisan ini diterbitkan.

Konflik Kepentingan
Penyelidik mengisytiharkan bahawa tidak wujud dan tidak berlaku sebarang konflik kepentingan.

Pernyataan Etika
Segala prosedur dan kaedah yang digunakan semasa penyelidikan dijalankan terutamanya yang melibatkan penyertaan manusia sebagai peserta telah dijalankan dengan mematuhi panduan etika yang telah ditetapkan. Peserta yang terlibat dalam penyelidikan ini juga memberikan persetujuan termaklum mereka atas kerelaan hati sendiri.

Sumbangan Pengarang
NFI merupakan penyelidik yang menyumbang sebahagian besar dalam penyelidikan ini yang merangkumi konsep asas pemboleh ubah kajian, kaedah kajian yang digunakan, termasuklah pengumpulan, penganalisisan dan pentafsiran data. ND pula terlibat dalam penyeliaan kajian sebenar, menilai hasil analisis penyelidikan dan penulisan dalam artikel ini.

Pembiayaan
Tiada.

Penghargaan
Kepada semua subjek yang terlibat dalam kajian ini.

Penyataan Ketersediaan Data
Tiada

RUJUKAN
Anastasi, A. (1988). *Psychological Testing* (6th ed.). Macmillan College.
Anastasi, A., & Urbina, S. (1997). *Psychological testing* (7th ed.). Pearson.

Astle, S. M., Jankovich, M. O., Vennum, A., & Rogers, A. A. (2023). Parent-Child sexual communication frequency and adolescent disclosure to mothers about sexuality: The moderating role of open communication in a common fate structural equation model. *The Journal of Sex Research*, *60*(7), 1–10. https://doi.org/10.1080/00224499.2022.2045888

Babbie, E. R. (1992). *The Practice of Social Research*. Wadsworth Publishing Company.

Ballard, S. M., & Gross, K. H. (2009). Exploring parental perspectives on parent-child sexual communication. *American Journal of Sexuality Education*, *4*(1), 40–57. https://doi.org/10.1080/15546120902733141

Ballester-Arnal, R., Castro Calvo, J., Gil-Llario, M. D., & Gil-Julia, B. (2017). Cybersex addiction: A study on spanish college students. *Journal of Sex & Marital Therapy*, *43*(6), 567–585. https://doi.org/10.1080/0092623x.2016.1208700

Bleakley, A., Hennessy, M., Fishbein, M., & Jordan, A. (2011). Using the integrative model to explain how exposure to sexual media content influences adolescent sexual behavior. *Health Education & Behavior*, *38*(5), 530–540. https://doi.org/10.1177/1090198110385775

Clark, L. A., & Watson, D. (1995). Constructing validity: Basic issues in objective scale development. *Psychological Assessment*, *7*(3), 309–319. https://doi.org/10.1037/1040-3590.7.3.309

Cohen, J., Cohen, P., West, S. G., & Aiken, L. S. (2013). *Applied multiple regression/correlation analysis for the behavioral sciences* (3rd ed.). Routledge. https://doi.org/10.4324/9780203774441

Cooper, D. R., & Schindler, P. S. (2011). *Business research methods*. Mcgraw-Hill.

Darvish Molla, M., & Nikmanesh, Z. (2020). Validity and reliability of the Persian version of cyber pornography use inventory-9 among iranian students. *Journal of Research & Health*, *10*(2), 69–78. https://doi.org/10.32598/jrh.10.2.2

Deva, M. (1995). Sexuality and Sexual Problems in the Malaysian Context. *Med J Malaysia*, *50*(1). https://www.e-mjm.org/1995/v50n1/Sexuality.pdf

Döring, N., Daneback, K., Shaughnessy, K., Grov, C., & Byers, E. S. (2015). Online sexual activity experiences among college students: A four-country comparison. *Archives of Sexual Behavior*, *46*(6), 1641–1652. https://doi.org/10.1007/s10508-015-0656-4

Erikson, E. H., & Erikson, J. M. (1997). *The life cycle completed*. W.W. Norton.

Field, A. P. (2018). *Discovering statistics using IBM SPSS statistics* (5th ed.). Sage.

Fowler, F. (2009). Survey Research Methods (4th ed.). *In Sage Research Methods*. SAGE Publications, Inc. https://doi.org/10.4135/9781452230184

Gliem, J. A., & Gliem, R. R. (2003). Calculating, interpreting, and reporting cronbach's alpha reliability coefficient for likert-type scales. *Midwest Research to Practice Conference in Adult, Continuing, and Community Education*. https://scholarworks.iupui.edu/handle/1805/344

Gnambs, T., & Schroeders, U. (2017). Cognitive Abilities Explain Wording Effects in the Rosenberg Self-Esteem Scale. *Assessment*, *27*(2), 107319111774650. https://doi.org/10.1177/1073191117746503

Grossman, J. M., Pearce, N., & Richer, A. M. (2020). Youth perspectives on sexuality communication with parents and extended family. *Family Relations*, *2*(1), 1–16. https://doi.org/10.3390/sexes2010001

Grubbs, J. B., Exline, J. J., Pargament, K. I., Hook, J. N., & Carlisle, R. D. (2014). Transgression as Addiction: Religiosity and Moral Disapproval as Predictors of Perceived Addiction to Pornography. *Archives of Sexual Behavior*, *44*(1), 125–136. https://doi.org/10.1007/s10508-013-0257-z

Guilford, J. P. (1956). *Fundamental statistics in psychology and education*. McGraw Hill.

Hair, J. F., Black, W. C., & Babin, B. J. (2019). *Multivariate data analysis* (8th ed.). Cengage Learning Emea.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). Multivariate data analysis. In *219.140* (7th ed.). Pearson Prentice Hall. https://www.drnishikantjha.com/papersCollection/Multivariate%20Data%20Analysis.pdf

Hair, J. F., Ringle, C. M., Sarstedt, M., & Hult, G. T. M. (2014). *A primer on partial least squares structural equations modeling*. Sage.

Harris, L. W., & Cheney, M. K. (2015a). Positive youth development interventions impacting the sexual health of young minority adolescents: A systematic review. *The Journal of Early Adolescence*, *38*(1), 74–117. https://doi.org/10.1177/0272431615578693

Harris, L. W., & Cheney, M. K. (2015b). Positive youth development interventions impacting the sexual health of young minority adolescents: A systematic review. *The Journal of Early Adolescence*, *38*(1), 74–117. https://doi.org/10.1177/0272431615578693

Harter, S. (2012). *The construction of the self: Developmental and sociocultural foundations*. The Guilford Press.

Hasan, N., & Bao, Y. (2020). Impact of "e-Learning crack-up perception on psychological distress among college students during COVID-19 pandemic: A mediating role of "fear of academic year loss. *Children and Youth Services Review*, *118*(105355), 105355. https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2020.105355

Hudson, W. W., Murphy, G. J., & Nurius, P. S. (1983). A short-form scale to measure liberal vs. conservative orientations toward human sexual expression. *The Journal of Sex Research*, *19*(3), 258–272. https://doi.org/10.1080/00224498309551186

Jerman, P., & Constantine, N. A. (2010). Demographic and psychological predictors of parent–adolescent communication about sex: A representative statewide analysis. *Journal of Youth and Adolescence*, *39*(10), 1164–1174. https://doi.org/10.1007/s10964-010-9546-1

Johanson, G. A., & Brooks, G. P. (2010). Initial scale development: Sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, *70*(3), 394–400. https://doi.org/10.1177/0013164409355692

Johnson, B., & Christensen, L. (2014). *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches* (5th ed.). Sage Publications. https://www.researchgate.net/publication/264274753_Educational_Research_Quantitative_Qualitative_and_Mixed_Approaches_Fifth_Edition

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. (2022). *Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Arkib Berita. https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/articles&id=YllLTWc4UXpZOGlxNHQvdWJQdVFZQT09

Kotchick, B. A., Dorsey, S., Miller, K. S., & Forehand, R. (1999). Adolescent sexual risk-taking behavior in single-parent ethnic minority families. *Journal of Family Psychology*, *13*(1), 93–102. https://doi.org/10.1037/0893-3200.13.1.93

Kotiuga, J., Yampolsky, M. A., & Martin, G. M. (2021). Adolescents' perception of their sexual self, relational capacities, attitudes towards sexual pleasure and sexual practices: A descriptive analysis. *Journal*

of Youth and Adolescence, *51*(2). https://doi.org/10.1007/s10964-021-01543-8

Kraus, S. W., Meshberg-Cohen, S., Martino, S., Quinones, L. J., & Potenza, M. N. (2015). Treatment of compulsive pornography use with naltrexone: A case report. *American Journal of Psychiatry*, *172*(12), 1260–1261. https://doi.org/10.1176/appi.ajp.2015.15060843

Martín-Albo, J., Núñez, J. L., Navarro, J. G., & Grijalvo, F. (2007). The Rosenberg self-esteem scale: Translation and validation in university students. *The Spanish Journal of Psychology*, *10*(2), 458–467. https://doi.org/10.1017/s1138741600006727

Monteiro, R. P., Coelho, G. L. de H., Hanel, P. H. P., de Medeiros, E. D., & da Silva, P. D. G. (2021). The efficient assessment of self-esteem: Proposing the brief rosenberg self-esteem scale. *Applied Research in Quality of Life*, *17*(17). https://doi.org/10.1007/s11482-021-09936-4

National Reproductive Health and Social Education Plan of Action. (2020). *Sexuality Education across selected Muslim countries: A review to inform Malaysia's 2020-24 National Reproductive Health and Social Education Plan of Action*. https://collections.unu.edu/eserv/UNU:7886/IIGH_Report_-_SRHE__PEKERTI__-_Desk_Review_2020-11-30.pdf

Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric Theory*. Tata McGraw-Hill Education.

Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). Open University Press.

Pignault, A., Rastoder, M., & Houssemand, C. (2023). The Relationship between Self-Esteem, Self-Efficacy, and Career Decision-Making Difficulties: Psychological Flourishing as a Mediator. *European Journal of Investigation in Health, Psychology and Education*, *13*(9), 1553–1568. https://doi.org/10.3390/ejihpe13090113

Rosenberg, M. (1965). Society and the adolescent self-image. In *JSTOR*. Princeton University Press. https://www.jstor.org/stable/j.ctt183pjjh

Santelli, J. S., Kantor, L. M., Grilo, S. A., Speizer, I. S., Lindberg, L. D., Heitel, J., Schalet, A. T., Lyon, M. E., Mason-Jones, A. J., McGovern, T., Heck, C. J., Rogers, J., & Ott, M. A. (2017). Abstinence-Only-Until-Marriage: An updated review of U.S. policies and programs and their impact. *Journal of Adolescent Health*, *61*(3), 273–280. https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2017.05.031

Schmitt, D. P., & Allik, J. (2005). Simultaneous administration of the rosenberg self-esteem scale in 53 nations: Exploring the universal and culture-specific features of global self-esteem. *Journal of Personality and Social Psychology*, *89*(4), 623–642. https://doi.org/10.1037/0022-3514.89.4.623

Sorjonen, K., & Melin, B. (2024). Spurious prospective effects between general and domain-specific self-esteem: A reanalysis of a meta-analysis of longitudinal studies. *PLoS ONE*, *19*(2), e0298158. https://doi.org/10.1371/journal.pone.0298158

Steinberg, L. D. (2023). *Adolescence* (12th ed.). Mcgraw-Hill Education.

Streiner, D. L. (2003). Starting at the beginning: An introduction to coefficient alpha and internal consistency. *Journal of Personality Assessment*, *80*(1), 99–103. https://doi.org/10.1207/s15327752jpa8001_18

Streiner, D. L., & Norman, G. R. (2008). *Health Measurement Scales* (4th ed.). Oxford University Press. https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780199231881.001.0001

Swain, S. D., Weathers, D., & Niedrich, R. W. (2008). Assessing Three Sources of Misresponse to Reversed Likert Items. *Journal of Marketing Research*, *45*(1), 116–131. https://doi.org/10.1509/jmkr.45.1.116

Syropoulou, A., Vernadakis, N., Papastergiou, M., & Kourtessis, T. (2021). Dimensionality of the rosenberg self-esteem scale among greek primary school students. *International Journal of Instruction*, *14*(4), 933–944. https://doi.org/10.29333/iji.2021.14453a

Tafarodi, R. W., & Swann, W. B. (2001). Two-dimensional self-esteem: theory and measurement. *Personality and Individual Differences*, *31*(5), 653–673. https://doi.org/10.1016/s0191-8869(00)00169-0

Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. *International Journal of Medical Education*, *2*(2), 53–55. https://doi.org/10.5116/ijme.4dfb.8dfd

Thomas, M. F., Binder, A., & Matthes, J. (2021). Sexting during social isolation: Predicting sexting-related privacy management during the COVID-19 pandemic. *Cyberpsychology: Journal of Psychosocial Research on Cyberspace*, *15*(3). https://doi.org/10.5817/cp2021-3-3

Wahyuningsih, & Yugistyowati, A. (2021). Perubahan sikap remaja terhadap perilaku seksual pranikah melalui edukasi. *Tens: Trends of Nursing Science*, *2*(1), 53–59. https://doi.org/10.36760/tens.v2i1.289

Zhang, C., Wu, K., Wang, W., Li, Y., Zhao, H., Lai, W., Shi, G., Guo, L., Li, L., & Lu, C. (2024). Mediation and interaction of problematic internet

use in the relationship between sexual minority status and depressive symptoms: Gender-based analysis. *Journal of Affective Disorders*, *346*, 174–181. https://doi.org/10.1016/j.jad.2023.11.024